

PANDANGAN SEKOLAH TERHADAP LATIHAN PERGURUAN DAN PRESTASI GURU LEPASAN MAKTAB PERGURUAN PERSEKUTUAN PULAU PINANG

Dr. Tan Poh Keun
Dr. Ivan D. Filmer Jr.
Asmah Mohammed
Maktab Perguruan Persekutuan
Pulau Pinang

Abstract *The Views Of Schools On The Training And Performance Of Teachers Trained In The Malayan Teachers College ". The purpose of this study is to elicit the views of schools on the performance of college-trained teachers. The views of these teachers themselves were sought regarding the effectiveness of the college training in helping them to face challenges in carrying out their duties in schools. The schools were also asked to suggest ways in which the college can upgrade its training towards the concept of smart training. The samples of this study are made up of all teachers who were formerly trained in the Malayan Teachers' College and who have served between one to six years in schools. The respondents in this study are the headmasters, senior assistants, heads of departments and the selected trained teachers. This study involves 125 college-trained teachers from 82 schools. Four instruments for data collection were developed. The first instrument is a form to survey the number of these teachers serving in all schools in Penang. The second and third instruments are quite similar questionnaires to be answered by the schools and the teachers regarding the effectiveness of the college teacher training in preparing these teachers to serve in schools. The fourth instrument, also a questionnaire, is used to obtain suggestions from schools to upgrade teacher training towards the concept of smart training. The findings of this study indicate that the schools are generally satisfied with the performance and motivation of these teachers. The teachers themselves also agreed that their training has helped them tremendously in facing their responsibilities in schools. The schools suggested that additional training be given to student teachers and also trained teachers to upgrade their knowledge and skills in curriculum, co-curriculum and computer usage. Other aspects suggested include the improvement of the college environment, the elevating of entry qualifications to college, the upgrading of expertise of lecturers as well as the moral values and attitudes of teacher trainees.*

PENGENALAN

Minat terhadap prestasi guru sekolah mula mendapat perhatian pada tahun 1990an. Kajian yang paling awal dijalankan mengenai keberkesanan guru menggunakan pemerhatian pelajar (Kratz, 1986; Beecher, 1949; Morsh & Wilder, 1954). Lain-lain kajian cuba menenal pasti kualiti guru yang berkesan melalui pemerhatian oleh pakar-pakar seperti pentadbir dan professor-profesor Pendidikan (Charters & Waples, 1929; Anderson, 1917; Littler, 1914).

Sejak itu, banyak trait tentang kualiti guru telah dikemukakan. Trait-trait guru berkesan yang sering dikemukakan termasuk sikap, semangat penyayang, ketepatan masa, kesopanan tingkah laku dan kejujuran. Beratus-ratus jenis 'sistem rating' dibentuk dari 1910 hingga 1950. Kajian-kajian awal meliputi penggunaan senarai semak, kad-kad markat dan skala semakan jenis grafik. Kajian-kajian Ruedigier dan Strayer (1910) menunjukkan korelasi yang tinggi antara kualiti-kualiti disiplin, kemahiran mengajar dan iniatif. Kajian Boyce (1915) mengesan lima kualiti utama iaitu kemahiran mengajar, prestasi pelajar, stimulasi pelajar, kepintaran dan disiplin. Beliau kemudiannya membentuk satu ukuran *Boyce Card*

untuk mengesan kualiti-kualiti guru. Lain-lain kualiti yang dilaporkan oleh Bird (1917) dan Kratz (1987) termasuk baik hati, adil, sabar dan berdisiplin.

Sejak 1950, kebanyakan kajian adalah berbentuk 'exploratory' dan hasil-hasil dapatan membentuk penyelidik untuk lebih memahami hubungan di antara ciri-ciri guru dengan perlakuan pelajar. Kajian-kajian diskriptif kualitatif lebih digemari berbanding penggunaan skala semakan kuantitatif. Kaedah-kaedah yang digunakan termasuklah pemerhatian ke atas perlakuan guru, laporan sendiri dan tinjauan ke atas aktiviti-aktiviti guru serta teknik 'peristiwa kritikal'. Kajian Ryans (1960) menghasilkan sepuluh set ciri-ciri guru yang disusun dalam tiga corak (a) Corak x (mesra, memahami, peramah lawan menyendiri, egosentrik, penyekat, (b) Corak y (bertanggungjawab, cekap, sistematik lawan mengelak, tidak merancang, cuai dan (c) Corak z (memerangsang, berimajinatif lawan membosankan, rutin).

Selain itu, kualiti guru boleh dikategorikan ke dalam kategori mengikut ciri personaliti dan kepimpinan. Kualiti personaliti meliputi ghairah, inisiatif, kebolehharian, keyakinan diri, semangat kerjasama, integriti sendiri dan 'sosial compatibility'. Kualiti kepimpinan meliputi gagasan-gagasan seperti membuat pertimbangan yang baik, kemahiran berkomunikasi, organisasi, kebolehan menganalisis situasi dan kemahiran sebagai jurujual. Terdapat juga dua kategori kualiti guru, iaitu kualiti sendiri dan kualiti profesional. Kualiti sendiri termasuk kecerdasan, menyayangi kanak-kanak, minat mengajar, falsafah hidup, kestabilan emosi, kesihatan fizikal, kemas diri dan kepimpinan. Kualiti profesional meliputi kebolehan bekerja dengan orang, kebolehan menguasai prinsip-prinsip psikologi asas, kebolehan merancang, pengetahuan dalam bidang yang diajar dan kebolehan keusahawanan.

Raths (1971) mencadangkan satu rangka untuk membolehkan guru-guru menilai prestasi sebagai guru bilik darjah. Antara yang dicadangkan ialah (a) menerang, memberitahu, menunjuk, (b) memulakan, mengarah, mentadbir, (c) menyatukan kumpulan, (d) memberi keselamatan/keyakinan, (e) menjelaskan sikap, kepercayaan, masalah, (f) mengenal pasti masalah pembelajaran, (g) membuat bahan pengajaran-pembelajaran, (h) menilai, merekod, melapor, (i) mengayak aktiviti-aktiviti komuniti, (j) mengurus dan menyusun bilik darjah, (k) melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sekolah, (l) melibatkan diri dalam profesion dan kehidupan sivik.

Memandangkan tugas utama seseorang guru ialah mendidik, komunikasi dalam bilik darjah memang satu aspek yang penting. Aspek paling penting dalam pengajaran yang berkesan ialah komunikasi yang berkesan. Mengikut Cole & Chan (1987), seseorang guru yang berketrampilan sentiasa cuba membentuk kualiti dan kemahiran yang boleh mempertingkatkan mutu komunikasi. Kedua-dua pengkaji ini mengemukakan kualiti sendiri guru yang mementingkan komunikasi yang berkesan, iaitu (a) sikap positif terhadap pelajar, (b) peramah dan sabar dengan pelajar, (c) menghormati pelajar, (d) mengetahui ciri-ciri latar pelajar, (e) mengamalkan peranan pendengar yang baik, (f) menunjukkan keyakinan diri dan gaya komunikasi yang tenang.

Namun begitu, kejayaan dalam pengajaran melibatkan lebih daripada komunikasi yang berkesan (Good & Mulryan, 1990). Ia juga meliputi aplikasi prinsip-prinsip perkembangan kognitif, kefahaman mengenai motivasi, pengetahuan kandungan mata pelajaran dan kemahiran pedagogi untuk membantu pelajar memahami kurikulum (Doyle, 1988).

MASALAH

Latihan di maktab-maktab perguruan merangkumi beberapa bidang seperti pengetahuan dan kemahiran dalam (a) kandungan mata pelajaran pengkhususan, (b) latihan mengajar, (c) kokurikulum dan (d) aktiviti-aktiviti yang berkait dengan nilai seperti agama dan moral. Setiap guru pelatih kursus asas mengikuti latihan di maktab perguruan selama lima semester. Guru pelatih yang lulus dalam semua peperiksaan dan kerja kursus di maktab kemudiannya ditempatkan di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara.

Semasa perkhidmatan mengajar di sekolah, guru lepasan maktab perguruan ini dikehendaki mengambil semua pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di maktab dalam situasi kelas sebenar. Apa yang menjadi tanda tanya ialah sama ada latihan di maktab membantu guru-guru pelatih untuk menjalankan tugas dengan berkesan di sekolah khususnya pada tahun-tahun permulaan mengajar?

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan guru besar, penolong Kanan I dan II serta ketua panitia sekolah terhadap prestasi guru lepasan maktab. Kajian ini juga berhasrat mendapatkan pandangan guru lepasan maktab mengenai keberkesanan latihan-latihan di maktab dalam membantu mereka menghadapi cabaran tugas di sekolah. Pihak sekolah juga diminta mengemukakan cadangan tentang cara-cara maktab boleh mempertingkatkan latihan-latihan perguruan ke arah 'bestari'.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah pandangan guru besar, penolong kanan I dan II serta ketua panitia sekolah terhadap prestasi guru baru lepasan maktab?
2. Apakah pandangan guru-guru lepasan maktab perguruan mengenai keberkesanan latihan-latihan di maktab dalam membantu menghadapi cabaran tugas-tugas mereka di sekolah?
3. Bagaimanakah maktab boleh mempertingkat latihan-latihan supaya ia boleh bermanfaat kepada sekolah?

METODOLOGI

Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan semua guru lepasan Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang (MP4) yang telah berkhidmat antara 1-6 tahun di sekolah-sekolah serta negeri Pulau Pinang. Guru besar/pengetua, penolong kanan 1, penolong Kanan II dan ketua panitia kepada guru-guru lepasan maktab yang terlibat.

Instrumen Kajian

Satu borang tinjauan dan tiga soal selidik dibentuk untuk mengutip data kajian ini. Borang tinjauan bertujuan mengesan bilangan guru-guru lepasan M4P yang telah bertugas antara satu hingga enam tahun di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Pulau Pinang. guru besar/pengetua sekolah diminta menyenaraikan nama guru-guru ini. Butiran-butiran lain mengenai guru-guru lepasan M4P termasuklah jantina, bilangan tahun mengajar dan pengkhususan. Butiran mengenai sekolah seperti nama dan status (bandar/luar bandar) juga kumpul.

Soal selidik pertama meliputi item-item yang mengukur pandangan pihak sekolah mengenai prestasi guru-guru lepasan M4P dalam aspek-aspek keperluan sendiri (6 item), sosial & profesional (6 item), pengurusan sekolah (4 item) dan tugas pengajaran (5 item). Responden diminta menandakan prestasi guru-guru berdasarkan skala lima mata yang menjulat dari sangat lemah (1), lemah (2), sederhana (3), baik (4) hingga ke cemerlang (5). Soal selidik ini dijawab oleh pihak-pihak sekolah, iaitu guru besar/pengetua, penolong kanan I, penolong kanan II dan ketua panitia.

Soal selidik kedua adalah untuk dijawab oleh guru lepasan maktab. Instrumen ini meliputi empat aspek utama iaitu (a) perancangan pengajaran-pembelajaran, (b) pengurusan pengajaran-pembelajaran, (c) pengurusan sumber dan (d) profesionalisme.

Soal selidik ketiga meliputi soalan-soalan terbuka. Tujuan soal selidik ini ialah untuk mendapatkan pandangan pihak sekolah mengenai keberkesanan maktab melatih guru-guru sekolah. Ia juga bertujuan mendapatkan cadangan daripada pihak sekolah untuk mempertingkatkan latihan pendidikan guru di maktab. Soal selidik ini dijawab oleh guru besar/pengetua sekolah sahaja.

Kandungan soal selidik yang digubal telah disahkan oleh dua pensyarah maktab yang berpengalaman.

Semua borang tinjauan dan soal selidik dihantar ke sekolah-sekolah setelah mendapat kelulusan BPPP (Bahagian Penyelidikan Pengurusan Pendidikan).

Borang tinjauan untuk mengesan penempatan sekarang dan bilangan guru lepasan M4P diedarkan kepada semua sekolah di negeri Pulau Pinang melalui Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Pulau, PPD Utara dan Tengah serta PPD Selatan.

Daripada maklumat ini tiga soal selidik dihantar kepada sekolah-sekolah yang mempunyai guru lepasan M4P.

iii) Membentuk dan mengesahkan soal selidik kajian

Kandungan soal selidik yang digubal telah disahkan oleh dua pensyarah maktab yang berpengalaman.

Soal selidik pertama diedarkan melalui PPD Pulau kepada semua sekolah yang sedang mempunyai guru lepasan M4P. Responden diberi masa dua minggu untuk menjawab soal-soal selidik. Data daripada soal selidik pertama dianalisis dengan menggunakan perisian komputer. Statistik yang berkaitan ialah statistik diskriptif, kebolehpercayaan dalaman tindak balas kepada item-item soal selidik, korelasi untuk mendapatkan maklumat mengenai hubungan antara pembolehubah dan ujian-t untuk mendapatkan maklumat mengenai perbezaan tindak balas mengikut jantina dan mengikut status sekolah (bantar/luar bandar).

Soal selidik kedua diedarkan pada masa yang sama dengan soal selidik pertama untuk dijawab oleh guru lepasan M4P. Instrumen ini diedar melalui PPD dan guru besar/pengetua sekolah. Perisian komputer, juga digunakan untuk mengira ukuran

kecenderungan memusat, ukuran serakan dan kebolehppercayaan dalaman tindak balas kepada item-item soal selidik.

iv. **Mentadbir dan menganalisis data soal selidik terbuka**

Penyelidik menyaring data daripada soalan-soalan selidik terbuka ini untuk mengkategorikan aspek-aspek utama yang sering dicadangkan oleh responden. Satu borang kod disediakan berdasarkan aspek-aspek utama yang dicadangkan oleh responden. Borang kod ini digunakan oleh dua orang penyelidik untuk menandakan kekerapan wujudnya aspek-aspek yang dicadangkan. Untuk tujuan ini, setiap penyelidik diberi satu set soal selidik lengkap. Set soal selidik asal diberi kepada penyelidik pertama dan set salinan fotokopi soal selidik yang sama diberi kepada penyelidik kedua. Hasil kiraan kekerapan oleh kedua-dua penyelidik dianalisis untuk mengesan kebolehppercayaan antara penilai (interrater reliability).

Kebanyakan cadangan pihak sekolah boleh digolongkan ke dalam sepuluh aspek (Jadual 1). Pekali korelasi antara penilai untuk semua aspek adalah memuaskan dan signifikan pada paras $p < 0.01$.

Jadual 1 : Kebolehppercayaan Antara Penilai Untuk Soal Selidik Terbuka

Bil.	Aspek-Aspek Cadangan Pihak Sekolah	Pekali Korelasi
1.	Pengajaran Pembelajaran (Kurikulum)	.802**
2.	Pengajaran-Pembelajaran (Kemahiran Lain)	.699**
3.	Pengajaran-Pembelajaran (Kemahiran Pentadbiran)	.633**
4.	GERKO	.678**
5.	Projek Khas	.692**
6.	Suasana Maktab	.647**
7.	Kelayakan Guru Pelatih	.652**
8.	Kepekaan Pensyarah	.632**
9.	Nilai Moral dan Sikap	.783**
10.	Lain-Lain	.654**

** Signifikan pada paras $p < 0.01$

Selepas itu, setiap item dalam borang penyelidikan bagi setiap responden diperiksa bersama oleh dua penyelidik supaya persetujuan dicapai untuk kod bagi item berkenan. Langkah ini adalah untuk mencapai 100% persetujuan antara penyelidik.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibincang dalam empat bahagian iaitu (a) hasil analisis borang tinjauan, (b) hasil analisis soal selidik pertama, (c) hasil analisis soal selidik kedua dan (d) hasil analisis soal selidik terbuka.

Hasil Analisis Borang Tinjauan

Seramai 148 guru lepasan M4P yang telah berkhidmat antara (1-6 tahun) daripada sembilan sekolah menengah dan 73 sekolah rendah dikenalpasti hasil daripada kutipan data menggunakan Borang Tinjauan. Daripada 82 sekolah ini, 32 buah sekolah telah dikategori sebagai sekolah bandar dan 50 sekolah lagi sebagai luar Bandar (Jadual 2).

Jadual 2 : Bilangan Guru Lepas M4P Mengikut Jenis Sekolah dan Jantina

Jenis Sekolah	Jantina		Jumlah (N = 148)
	Lelaki	Perempuan	
Rendah (73)	19	113	132
Menengah (9)	2	14	16
Bandar (32)	11	49	60
Luar Bandar (50)	10	78	88

Daripada 82 buah sekolah ini, 78 telah memulangkan soal selidik terbuka. Di antara sekolah-sekolah ini ialah sembilan sekolah menengah (7 bandar, 2 luar bandar) dan 69 sekolah rendah (26 bandar, 43 luar bandar)

Hasil Analisis Soal Selidik Pertama (Responden Guru Besar/Pengetua)

i. Kebolehpercayaan Dalam Item-Item Soal Selidik Pertama

Kebolehpercayaan dalam item-item soal selidik pertama menunjukkan pekali yang memuaskan untuk setiap sekolah dan setiap ukuran prestasi. Secara keseluruhan, pekali untuk semua ukuran adalah tinggi. (Jadual 3).

Jadual 3 : Kebolehpercayaan Dalam Item-Item Soal Selidik Pertama

Ukuran	Bil. Item	Pihak Sekolah	Alpha
Keperluan Guru Lepasan Maktab	6	Kendiri	.831
		Guru Besar	.612
		Penolong Kanan I	.810
		Penolong Kanan II	.844
		Ketua Panitia	.939
Sosial & Profesional	6	Keseluruhan	.870
		Guru Besar	.861
		Penolong Kanan I	.802
		Penolong Kanan II	.811
		Ketua Panitia	.934
Pengurusan Sekolah	5	Keseluruhan	.789
		Guru Besar	.788
		Penolong Kanan I	.751
		Penolong Kanan II	.810
		Ketua Panitia	.921
Tugas Pengajaran	5	Keseluruhan	.793
		Guru Besar	.773
		Penolong Kanan I	.751
		Penolong Kanan II	.810
		Ketua Panitia	.919

ii. Min dan Sisihan Piawai Tindak Balas Pihak Sekolah

Pihak sekolah diminta menandakan penilaian mereka terhadap prestasi kerja guru lepasan M4P untuk empat aspek iaitu keperluan sendiri (6 item), sosial dan profesional (6 item), pengurusan sekolah (5 item) dan tugas pengajaran (5 item). Penilaian dibuat berdasarkan skala lima mata daripada angka 1 hingga 5. Secara umumnya pandangan pihak sekolah terhadap aspek pertama iaitu keperluan sendiri

guru lepasan M4P adalah tertinggi (purata min 4.11, baik) dan aspek sosial dan profesional terendah (purata min 3.73, lebih daripada sederhana dan hampir baik).

Jadual 4 : Min, Sisishan Piawai dan Kebolehpercayaan Dalam Item-Item Soal Selidik Pertama (N=148)

Ukuran	Bil Item	Pihak Sekolah	Min	Purata Min	Sisishan Piawai	
Keperluan Guru Maktab	Kendiri Lepasannya	6	Guru Besar	4.11	4.11	.49
			Penolong Kanan I	4.14		.52
			Penolong Kanan II	4.04		.45
			Ketua Panitia	4.14		.47
Sosial & Profesional	&	6	Guru Besar	3.72	3.73	.43
			Penolong Kanan I	3.69		.46
			Penolong Kanan II	3.71		.37
			Ketua Panitia	3.83		.41
Pengurusan Sekolah		5	Guru Besar	3.75	3.82	.58
			Penolong Kanan I	3.84		.48
			Penolong Kanan II	3.76		.49
			Ketua Panitia	3.94		.47
Tugas Pengajaran		5	Guru Besar	3.71	3.81	.54
			Penolong Kanan I	3.87		.56
			Penolong Kanan II	3.79		.50
			Ketua Panitia	3.87		.56

ii. ***Prestasi Guru Lepasannya Mengikut Sekolah Bandar dan Sekolah Luar Bandar***

Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada paras $p > .05$ antara penilaian ketua panitia dari sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Ketua Panitia sekolah bandar menilai prestasi guru lepasan M4P lebih tinggi daripada pegawai yang sama di sekolah luar bandar berbanding sekolah bandar.

Jadual 5 : Prestasi Guru Lepasannya Mengikut Sekolah (Bandar, n=32; luar bandar, n=50)

Pihak Sekolah	Status Sekolah	Min	SP	F	Sig	T	Sig (2 tailed)
Guru Besar	Bandar	3.80	.411	.32	.57	-.52	.592
	Luar Bandar	3.84	.481				
Penolong Kanan I	Bandar	3.79	.483	1.9	.16	-2.41	.017*
	Luar Bandar	3.88	.385				
Penolong Kanan II	Bandar	3.73	.430	.02	.82	-1.5	.212
	Luar Bandar	3.88	.343				
Ketua Panitia	Bandar	4.04	.387	.24	.62	2.2	.029*
	Luar Bandar	3.88	.336				

• signifikan pada paras $p < 0.05$

Hasil Analisis Soal Selidik Terbuka

- i. Cadangan setiap aspek cadangan pihak sekolah dikira selepas mencapai 100% persetujuan antara penilai. Sepuluh aspek telah dikenalpasti dan ditunjukkan dalam Jadual 9. Hasil kiraan menunjukkan bahawa pihak sekolah amat mementingkan penumpuan aspek kurikulum khususnya pencapaian pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran yang diajar, kaedah pengajaran-pembelajaran terkini serta kemahiran menggunakan bahan bantuan mengajar khususnya kemahiran dalam penggunaan komputer. Selain itu, penerapan nilai dan pembentukan sikap yang positif juga sering dinyatakan (16.4%)

Jadual 9 : Kekerapan dan Peratusan Aspek-Aspek Yang Dicadangkan Oleh Pihak Sekolah

Bil.	Aspek-Aspek Cadangan Pihak Sekolah	Kekerapan	Peratusan (%)
1.	Pengajaran-Pembelajaran (Kurikulum)	64	21.4
2.	Nilai Moral dan Sikap	49	16.4
3.	Projek Khas	41	13.7
4.	Penyelarasan Latihan	36	12.0
5.	Pengajaran-Pembelajaran (Praktikum)	29	9.7
6.	Kepakaran Pensyarah	25	8.4
7.	Pengajaran-Pembelajaran (Kemahiran Lain)	24	8.0
8.	Kokurikulum	15	5.0
9.	Suasana Maktab	8	2.7
10.	Kelayakan Pengambilan Guru Pelatih Baru	8	2.7
Jumlah		299	100

Projek Khas yang dikemukakan oleh pihak sekolah meliputi kursus-kursus pendek untuk membantu dalam peningkatan profesionalisme guru-guru pelatih dan guru-guru terlatih khususnya dalam pengetahuan dan kemahiran terkini berkaitan dengan pengajaran-pembelajaran. Kursus-kursus berkait sekolah bestari, pembinaan dan penggunaan modul-modul serta perisian komputer dalam pengajaran-pembelajaran, pencegahan dadah, motivasi dan perubahan sikap juga turut disebut.

Pihak sekolah mencadangkan latihan-latihan di maktab haruslah selaras dengan keperluan di sekolah. Hubungan dua hala antara Jabatan Pendidikan Negeri dengan maktab harus dipertingkatkan. Kemahiran kurikulum berkait praktikum yang dikemukakan adalah berkenaan dengan masa yang diperuntukkan. Pihak sekolah berpendapat bahawa masa untuk praktikum harus dipanjangkan supaya guru pelatih dapat membiasakan diri dengan suasana mengajar di sekolah

Pihak sekolah juga mencadangkan maktab mewujudkan suasana pengajaran-pembelajaran bestari. Ini termasuk memastikan semua kemudahan maktab boleh digunakan pada bila-bila masa.

Dari segi kepakaran pensyarah, pihak sekolah berpendapat bahawa pensyarah harus lebih tegas dengan guru pelatih dan memberi bimbingan yang lebih kepada guru pelatih yang menunjukkan prestasi yang kurang menggalakkan.

Kemahiran lain yang dikemukakan banyak tertumpu kepada kemahiran-kemahiran pengurusan bilik darjah, bimbingan dan kaunseling, pentadbiran sekolah, pengurusan tekanan dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Kokurikulum juga diberi perhatian oleh pihak sekolah. Terdapat beberapa cadangan yang mementingkan penglibatan guru pelatih dalam latihan beberapa jenis aktiviti kokurikulum supaya guru pelatih dalam latihan beberapa jenis aktiviti kokurikulum supaya guru pelatih ini dapat mengendalikan seberapa banyak jenis kokurikulum di sekolah.

Kelayakan guru pelatih juga menjadi fokus beberapa buah sekolah. Antara yang dicadangkan termasuk memastikan calon guru pelatih yang berkelayakan dalam bidang pengkhususan dipilih. Pihak sekolah mengharapkan penilaian ke atas prestasi guru pelatih diperketat untuk memastikan hanya guru pelatih yang berketrampilan dianugerahi sijil/diploma Pendidikan.

PERBINCANGAN

Kajian ini merupakan satu usaha meninjau pandangan pihak sekolah dan guru-guru lepasan maktab mengenai keberkesanan latihan-latihan di maktab dalam menyediakan guru-guru permulaan yang berketrampilan dalam menjalankan tugas-tugas di sekolah. Kajian ini juga berusaha mendapatkan pandangan daripada pihak sekolah mengenai latihan-latihan tambahan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru pelatih dan guru-guru terlatih ke arah bestari.

Analisis soal selidik pertama menunjukkan bahawa pihak sekolah didapati berpuas hati dengan prestasi guru-guru lepasan maktab pada masa kini. Guru-guru lepasan maktab didapati juga berpuas hati dengan latihan-latihan di maktab. Mereka berpendapat bahawa latihan di maktab dapat membantu mereka menghadapi cabaran-cabaran tugas di sekolah.

Soal selidik terbuka banyak maklumat mengenai kehendak sekolah terhadap latihan perguruan ke arah bestari dan juga ke arah memenuhi keperluan mereka. Pihak sekolah amat mementingkan peningkatan dalam aspek kurikulum di kalangan guru pelatih dan guru terlatih. Penekanan diberi kepada usaha sama di antara maktab dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk berkongsi maklumat dan kaedah pengajaran-pembelajaran terkini. Selain peningkatan dari segi pengetahuan dalam kurikulum, pihak sekolah juga menyarankan penekanan aspek pengurusan kokurikulum dan pentadbiran dalam latihan perguruan. Aspek motivasi dan sikap guru juga dipentingkan supaya prestasi kerja guru terlatih dapat dipertingkatkan lagi.

Secara umumnya, hasil kajian ini dapat memberi maklum balas kepada maktab khususnya Maktab Perguruan Persekutuan tentang keberkesanan usaha maktab selama ini dalam menyediakan guru-guru untuk menjalankan tugas di sekolah.

PENUTUP

Banyak sekolah peka terhadap keperluan staf kakitangan akademik untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam strategi pengajaran-pembelajaran yang terkini. Kesedaran ini mungkin wujud dengan kehadiran sekolah-sekolah bestari. Ramai pihak pentadbir sekolah (guru besar/pengetua dan penolong kanan) juga sedar kelemahan guru lepasan maktab dalam aspek pengurusan sekolah dan sikap positif terhadap profesion keguruan.

Hasil kajian ini memberi implikasi bahawa latihan-latihan yang diberi oleh M4P adalah sejajar dengan keperluan sekolah. Latihan-latihan yang sedang dijalankan adalah sesuai membantu guru menghadapi tugas kerja mereka di sekolah tetapi masih ada beberapa aspek yang harus ditekankan dan ditambah dalam kurikulum perguruan.

Maklum balas kajian ini adalah penting untuk peningkatan mutu latihan di maktab perguruan. Memandangkan kurikulum sekolah sedang diubah ke arah bestari, keperluan dan kemahiran guru-guru lepasan maktab akan bertambah. Kajian seperti ini harus diadakan dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti keperluan baru pihak sekolah pihak pendidikan guru dapat menyediakan guru-guru lepasan maktab yang berkesan dan bestari.

RUJUKAN

- Anderson, W.N. (1917). *The Selection Of Teachers*. Educational Administration And Supervision, 3,83-90.
- Beecher, D.E. (1949). *The Evaluation Of Teaching: Backgrounds And Concepts*. New York: Syracuse University Press.
- Bird, T. (1987). *Teacher Assessment And Professionalization*. Dipetik Daripada A. Reynolds (1990). *Developing A Comprehensive Teacher Assessment Program: New Pylons On A Well-Worn Path*. Princeton, New Jersey: Educational Testing Service
- Boyce, A.C. (1915). *Methods Of Measuring Teachers' Efficiency*. Dipetik Daripada J. Millman & L. Darling-Hammond (1990). *The New Handbook Of Teacher Evaluation*. Newbury Park: Sage Publications
- Charters, W.W., & Waples, D. (1929). *The Commonwealth Teacher Training Study*. Chicago: University Of Chicago Press
- Cole, P.G., & Chan, L.K.S. (1987). *Teaching Principles And Practice*. New York: Prentice Hall.
- Doyle, W. (1988). *Curriculum In Teacher Education*. Dipetik Daripada T.L. Good, & C. Mulryan (1990). *Teacher Ratings: A Call For Teacher Control And Self-Evaluation*, Dalam J. Millman & L. Darling-Hammond (1990). *The New Handbook Of Teacher Evaluation*. Newbury Park: Sage Publications.
- Gagne, E.D. (1985). *The Cognitive Psychology Of School Learning*. Little, Brown & Company: Boston
- Good, T.L., & Mulryn, C. (1990). *Teacher Ratings: A Call For Teacher Control And Self-Evaluation*, Dalam J. Millman, & Darling-Hammond, (1990). *The New Handbook Of Teacher Evaluation: Assesing Elementary And Secondary School Teachers*. Newbury Park: Sage Publications

- Kratz, H.E. (1987). Characteristics Of The Best Teachers As Recognized By Children. *Pedagogical Seminary*, 3, 413-418
- Littler, S. (1914). Causes Of Failure Among Elementary School Teachers. *School And Home Education*, 33, 255-256
- Millman, J., & Darling-Hammond, L. (1990). *The New Handbook Of Teacher Evaluation: Assessing Elementary And Secondary School Teachers*. Newbury Park: Sage Publications
- Morsh, J.E., & Wilder, E.W. (1954). Identifying The Effective Instructor: A Review Of The Qualitative Studies, 1900-1952. Dipetik Dari J. Millman, & L. Darling-Hammond, (1990) *The New Handbook Of Teacher Evaluation: Assessing Elementary And Secondary School Teachers*. Newbury Park: Sage Publications.
- Morsh, J.E., & Wilder, E.W. (1954). Identifying The Effective Instructor: A Review Of The Qualitative Studies, 1900-1952. Dipetik Dari J. Millman, & L. Darling-Hammond, (1990) *The New Handbook Of Teacher Evaluation: Assessing Elementary And Secondary School Teachers*. Newbury Park: Sage Publications
- Ryans, D.G. (1960). *Characteristics Of Teachers: Their Description, Comparison, And Appraisal*. Washington, D.C.: American Council On Education
- Raths, L. (1971). What Is A Good Teacher, Dalam J. Raths, J. Pancella, & J. Van Ness (Ed.), *Studying Teaching*, (Ed. Ke-2). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall
- Raths J.M Pancella, J., & Van Ness, J. (Ed.) (1971), *Studying Teaching*, (Ed. Ke-2). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.